



Chief Executive Officer  
Ketua Pegawai Eksekutif

**Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia)**

*Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia*

Galeria PJH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.

T : +603-8870 5800 F : +603-8870 5900 E : info@seda.gov.my

No ruj : SEDA.CORP/FIN-COMM/GST(3)

Tarikh: 11 Mac 2015

**MELALUI E-EMEL/FAKS**

Tuan/Puan,

**PENDAFTARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TUJUAN PELAKSANAAN GST DI BAWAH AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai persediaan bagi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan bermula pada 1 April 2015, SEDA Malaysia dan Pemegang Lesen Pengagihan telah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pihak/puan memperoleh maklumat yang mencukupi berpandukan kepada jangkauan dan keperluan semua pihak yang terlibat di dalam mekanisme Tarif Galakan.
3. Seperti yang pihak tuan/puan sedia maklum, amaun pembekalan bercukai bagi tujuan pendaftaran GST adalah sebanyak RM500,000 dalam jangkamasa 12 bulan.
4. Bagi tujuan perkara 3 di atas, semua pemegang kelulusan tarif galakan ("FiAH") adalah wajib mendaftar dengan pihak Kastam sebagai pembekal berdaftar apabila amaun pembekalan bercukai melebihi RM 500,000 untuk tempoh 12 bulan dan perlu mengemukakan nombor pendaftaran GST tersebut kepada pihak pemegang lesen pengagihan masing- masing.
5. Sekiranya pihak tuan/puan memerlukan sebarang keterangan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi terus pejabat Kastam Diraja Malaysia yang terdekat.

Sekian.

Yang benar



(CATHERINE RIDU)

Ketua Pegawai Eksekutif

*Sustainable Energy Development Authority Malaysia*

Edaran Dalaman

Ketua Pegawai Operasi SEDA Malaysia.  
Ketua Pegawai Korporat SEDA Malaysia.

Salinan kepada

**Y. Bhg. Datuk Loo Took Gee**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.  
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya.  
No. Faks: 03-8889 3177